

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**

**SOALAN : NO. 201**

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan:**

- (a) sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menggubal akta demi membanteras penggunaan kelayakan akademik palsu yang boleh menjaskan imej pendidikan negara dan golongan akademik; dan
- (b) tindakan undang-undang, disiplin atau tatatertib yang telah diambil terhadap institusi atau mereka yang memproses kelayakan pemohon yang menggunakan sijil kelayakan akademik palsu .

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) selaras dengan Seksyen 81 (e) dan (f), Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) mewajibkan semua pensyarah yang ingin berkhidmat di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) memperoleh permit mengajar terlebih dahulu. Permohonan permit mengajar akan dibuat melalui IPTS masing-masing dan KPT akan membuat semakan kelayakan pensyarah terlebih dahulu sebelum permit mengajar diluluskan. Permohonan tersebut akan ditolak jika kelayakan pensyarah meragukan.

Pada tahun 2016, seramai 5,909 kakitangan akademik mempunyai kelayakan akademik di peringkat Doktor Falsafah berkhidmat di IPTS dan

mempunyai permit mengajar dengan pecahan 4,495 kakitangan akademik warganegara dan 1,414 kakitangan akademik bukan warganegara. KPT tidak menerima laporan berhubung penyalahgunaan gelaran Dr. di IPTS. Walau bagaimanapun, terdapat satu kes berkaitan yang dilaporkan di Universiti Awam (UA) pada tahun 2016.